

Huffaz lepasan SPM miliki lebih pilihan sambung pengajian

**Ahmad Rauyani
Ab Hamid,**
Ketua,
Unit Jaminan
Kualiti Akademik,
Pusat Asasi,
Universiti Islam
Antarabangsa
Malaysia

Tahun lalu, 402,956 calon mendaftar menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Apa yang menjadi kekusaran ibu bapa adalah menentukan hala tuju anak mereka selepas tamat SPM.

Terdapat pelbagai pilihan pengajian ditawarkan, bergantung kepada minat dan keputusan peperiksaan.

Bagi calon Islam, Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran (PTAQ) boleh menjadi satu daripada pilihan terbaik.

Program ini bertujuan melahirkan golongan menghafaz al-Quran profesional, iaitu individu bukan sahaja cemerlang dalam kerjaya, tetapi menghafaz al-Quran.

PTAQ terdiri daripada dua model utama, iaitu PTAQ Sebelum dan PTAQ Serentak.

Program PTAQ Sebelum membabitkan kerjasama antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Menerusi program ini, pelajar dikehendaki menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh tiga semester atau 18 bulan sebelum menyambung pengajian peringkat asasi di UIAM.

Bagi model PTAQ Serentak pula, pelajar perlu menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran sepanjang tempoh pengajian peringkat ijazah.

Antara institusi pengajian tinggi (IPT) yang menawarkan PTAQ Serentak, termasuk Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Management and Science University (MSU).

Sebagai alternatif, terdapat program seperti Program Plus Tahfiz UiTM yang memberi keutamaan kepada pelajar bergelar huffaz.

Bagi ibu bapa, PTAQ boleh dianggap sebagai pilihan sangat baik kerana memberi peluang kepada anak yang bukan sahaja memperoleh ijazah, tetapi menjadi hafiz atau hafizah al-Quran.

Keberkesanan PTAQ berbeza

Kajian sebelum ini menunjukkan keberkesanan program PTAQ berbeza mengikut model diikuti. Kajian terkini pensyarah UIAM mendapati pelajar PTAQ JAKIM-UIAM menghadapi cabaran besar mengekalkan hafazan mereka ketika pengajian Asasi.

Fenomena ini mungkin munasabah kerana pelajar 'meninggalkan' subjek akademik selama setahun untuk memberi fokus sepenuhnya kepada hafazan al-Quran.

Berbeza dengan PTAQ Sebelum, model PTAQ Serentak memerlukan pelajar mengimbangi antara tuntutan akademik dan hafazan al-Quran.

Menurut kajian pensyarah UNITEN pada 2020, pelajar mengikuti PTAQ Serentak menunjukkan prestasi cemerlang dalam hafazan dan pengajian ijazah.

Prestasi pelajar Program Plus Tahfiz UiTM dari segi pengkalan hafazan dan pencapaian akademik

juga sangat memberangsangkan.

Keputusan memilih model PTAQ bergantung kepada pelbagai faktor. Dari sudut pengkhususan selepas menamatkan program, PTAQ JAKIM-UIAM dan Plus Tahfiz UiTM menawarkan lebih banyak peluang pengajian lanjutan berbanding PTAQ UNITEN dan MSU.

Namun, PTAQ Sebelum memerlukan pelajar menghabiskan hampir setahun sebelum menyambung pengajian peringkat Asasi. Ini bermakna pelajar PTAQ Sebelum mungkin lebih berusia berbanding rakan sekelas mereka apabila memulakan pengajian Asasi.

Apapun pilihan dibuat, tidak dapat dinafikan terdapat kelebihan besar bagi mereka yang menghafaz al-Quran. Banyak hadis Rasulullah SAW menyebut keutamaan ini. Semoga ibu bapa dan lepasan SPM dapat membuat pilihan terbaik demi masa hadapan mereka dan menjadi golongan pencinta al-Quran.



Patuhi peraturan kurangkan risiko nahas

**Farhana Abd
Hamid,**
Universiti
Tun Hussein Onn
Malaysia (UTHM)

Statistik terbaru Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyaksikan 5,939 kematian direkodkan daripada 585,729 kes kemalangan dilaporkan sehingga November tahun lalu.

Daripada jumlah itu, 67 peratus atau 4,014 kematian membabitkan penunggang dan

pembonceng motosikal dengan majoriti terdiri daripada golongan belia berusia 16 hingga 35 tahun.

Statistik kemalangan ini amat membimbangkan kerana angka nahas mengorbankan nyawa di jalan raya pada tahun lalu bukan satu jumlah kecil.

Berikutan musim cuti sekolah ketika ini dan sambutan Tahun Baharu Cina esok, jumlah kenderaan persendirian di jalan raya juga dijangka meningkat dengan drastik susulan ramai pulang ke kampung dan mengambil peluang bercuti bersama keluarga.

Oleh itu, Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan akan dilaksanakan Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk memastikan kelancaran lalu lintas dan keselamatan jalan raya.

Larangan itu bakal berkuat kuasa selama empat hari, iaitu sebelum perayaan Tahun Baharu Cina pada 27 dan 28 Januari serta selepas perayaan pada 1 dan 2 Februari.

Setiap peraturan ditetapkan pihak berkuasa bertujuan mengurangkan risiko kemalangan, di samping menjaga keselamatan nyawa dan harta benda.

Pastikan kenderaan dalam keadaan baik

Sehubungan itu, pengguna jalan raya digesa mematuhi peraturan jalan raya bagi mengelak kecelakaan tidak diingini. Pematuhan kepada peraturan seperti had laju, lampu isyarat dan penggunaan tali pinggang keledar diharap dapat mengurangkan risiko nahas.

“Elak sikap pentingkan diri sendiri dan sentiasa memberi perhatian kepada keselamatan pengguna jalan raya lain ketika memandu”

Satu daripada tanggungjawab dan keutamaan semua pemilik kenderaan adalah memastikan kenderaan mereka berada dalam keadaan baik.

Sebelum memulakan perjalanan, pemandu seharusnya memeriksa keadaan tayar, brek dan lampu berfungsi secara optimum. Sekiranya terdapat sebarang masalah pada komponen kereta, segera lakukan penyelenggaraan.

Ketika memandu, pastikan sentiasa pada jarak selamat dengan kenderaan di hadapan. Perkara ini perlu dititikberatkan, terutama apabila memandu di belakang kenderaan berat.

Di samping itu, pemandu disarankan berhenti dan berehat seketika jika berasa letih atau mengantuk ketika memandu. Banyak kes kemalangan dikatakan berpunca daripada tertidur atau *micro sleep*. Hal ini amat membahayakan kerana tempoh beberapa saat mampu mengundang padah.

Keselamatan di jalan raya memerlukan kerjasama erat dan kesedaran semua pihak. Elak sikap mementingkan diri sendiri dan sentiasa memberi perhatian kepada keselamatan pengguna jalan raya lain ketika memandu.

Paling utama, setiap pemandu dan penumpang perlu berwaspada di jalan raya demi perjalanan selamat ke destinasi.

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke bhforum@bh.com.my